

 <p>An agency under MOSTI</p>	Country	Malaysia
	Publication	Berita Harian
	Date	16 January 2015
	Page	Nasional, Page 7
	Position & Size	Right Page (Colour) 7 cm (W) x 31.5 cm (H)



Siti Nurhaliza melihat **barangan keperluan** yang akan diagihkan kepada mangsa banjir di Ibu Pejabat SYABAS, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

## MOSTI beri khidmat percuma pulih semula data

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi khidmat percuma kepada mangsa banjir untuk memulihkan semula data dari peralatan elektronik mereka yang terjejas akibat bencana berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, berkata setakat ini belum ada permohonan diterima berhubung kehilangan data kerana mangsa kini lebih mengutamakan bantuan lain seperti makanan dan tempat tinggal.

“Bagaimanapun, MOSTI sudah bersedia jika diminta membantu mangsa banjir memulihkan data selepas mereka selesai menguruskan perkara asas lain,” katanya ketika ditemui pada Majlis Penghargaan Media CyberSecurity Malaysia, di sini semalam.

### Mesin penyulingan air

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menghasilkan mesin penyulingan air mudah alih dengan nilai kos RM400,00 seunit bagi membantu mangsa banjir mendapatkan bekalan air bersih yang diproses dari air sungai atau sumber bawah tanah.

“Produk ini mampu membekalkan air bersih kepada 3,000 penduduk, bukan saja ketika banjir, malah pada musim kemarau. Ia dihasilkan oleh kepakaran tempatan sepenuhnya sudah memperoleh 100 anugerah inovasi dan dicadang ditempatkan di 30 kawasan berisiko banjir seluruh negara,” katanya.

### Yayasan Nurjiwa

Sementara itu, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bersama Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 (RPPA-60), Rejimen Askar Jurutera Diraja Askar Wataniah (AW), semalam menerima sumbangan barangan keperluan untuk mangsa banjir seperti sejadah, telekung, kain pelikat dan al-Quran daripada Yayasan Nurjiwa.

Majlis di ibu pejabat SYABAS, di sini, dihadiri oleh Brig Jen (Kehormat) RPPA-60 AW, Tan Sri Rozali Ismail yang juga Pengerusi Eksekutif SYABAS yang menerima sumbangan barangan keperluan bernilai RM310,000 daripada Pengarah Yayasan Nurjiwa, Datuk Siti Nurhaliza Taruddin untuk mangsa banjir di Terengganu.